صوت الأرقم
SHOUTUL ARQAM

عبادة منوروت اسلام

IBADAH menurut Islam

OLEH:
USTAZ HJ. ASHAARI MUHAMMAD



KANDUNGAN

Kata Pendahuluan iv

Sekapur Sirih viii

Bab Pertama
Mengapa Manusia Dijadikan 1

Bab Kedua
Mengapa Kita Mesti Beribadah 7

Bab Ketiga
Aspek-aspek Ibadah 14

Bab Keempat
Hablumminallah Dan Hamblumminnas 20

Bab Kelima
Bagaimana Amalan Boleh Dijadikan Ibadah 25

Bab Keenam
Niat, Perlaksanaan, Natijah Dan Perkara Asas Dalam Ibadah 33

Bab Ketujuh
Ibadah bembentuk Tamaddun Islam 41

Bab Kelapan
Ibadah bembentuk Kebudayaan Islam 47

Bab Kesembilan
Nafsu Dan Syaitan Perintang Ibadah 54

Bab Kesepuluh
Ujian Allah 59

Penutup 66

Kata pendahuluan

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من
يهدى الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه
ومن تبعه ووالاه .

CUBA bayangkan keadaan kalau dua orang gum bergaduh di tengah padang. Tentu anak murid dan kakitangan sckolah akan berkerumun untuk tengok. Murid-murid akan kucar-kacir. Ada yang ketakutan. Ada yang berlompatan. Ada yang terpekik terlolong. Yang nakal pula ambil kcsempatan usik kawan atau curi barang. Yang cerdik akan hilang keyakinan pada guru-guru itu.

Dan secara umum murid-murid terbiar dan terdedah pada kcadaan yang kucar-kacir dan akhlak liar. Kesan akhimya ialah pihak sekolah akan menanggung berbagai kesan buruk seperti pecah-belah dan lain-lain

Atau cuba bayangkan kalau ibu bapa bergaduh dan bertengkar di depan anak-anak. Kalau anak-anak yang lemah jiwa dia akan jadi kecewa dan penakut. Anak-anak yang agresif akan liar dan suka bergaduh. Anak-anak yang cerdik akan malu dan sedih kerana mempunyai ibu bapa tersebut sekaligus , menghilangkan kepercayaan dan ketaatan pada ibu bapa itu. Hasilnya keluarga itu akan terbarai dan gelap gulita.

Begitulah halnya kalau pemimpin bergaduh .di tengah medan kehidupan. Para pengikut diberitahu tentang kejahatan atau kelemahan pemimpin mereka. Maka samada kita sedar atau tidak, mahu atau tidak mahu akar terjadilah keburukan-keburukan sepertimana yang terjadi pada sekolah yang gurunya bergaduh di tengah padang atau keluarga yang ibu bapanya bertengkar di depan anak-anak. Parti politik negara atau badan dakwah atau badan kebajikan yang pemimpinnya bergaduh itu, akan ditimpa beban-beban yang bakal meletakkannya dalam keadaan yang lebih hina dari sebelumnya.

Barangkali mustahil untuk mengelakkan krisis secara total. Sebab sudah menjadi sunnatullah, krisis tidak dapat dielak dan sebagai ujian bagi makhluk yang serba lemah dan hina di dunia ini. Tapi membendungnya tentu boleh diikthiarkan. Sekurang-kurangnya kalau mahu bergaduh juga, cuba secara tertutup. Biar yang tahu itu pihak yang terlibat sahaja. Orang lain tidak payah dilibatkan, yang ramai dikurangkan atau yang besar dikecilkan. Yang

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعو

بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا م

يهدي الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادي

والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله و

ومن تبعه ووالاه .

PERSOALAN mengenai ibadah dalam Islam adalah merupakan satu persoalan pokok yang mana kebanyakan umat Islam dewasa ini agak terkeliru.

Seringkali kita mendengar orang-orang Islam mengeluarkan pendapat masing-masing apabila dia tersua dengan satu-satu masalah yang melibatkan hukum wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Dan dalam keadaan

yang demikian, manusia kadang-kadang mengeluarkan pendapat tidak berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah.Inilah yang boleh membawa kepada kekel i ruan dikalangan umat Islam.

Hukum wajib. sunat dan harus adalah terlibat secara langsung dalam persoalan ibadah dalam Islam. Perkara wajib dan sunat memang sudah menjadi ibadah kepada kita. Tetapi perkara yang harus juga boleh menjadi ibadah kepada kita. mungkin kita tidak mengetahuinya Perkara yang makruh dan haram itu tidak boleh kita lakukan kerana ia tidak boleh menjadi ibadah kepada kita. Semoga dalam buku ini akan terhurai persoalan bagai mana perkara-perkara ini dapat menjadi ibadah kita kepada Allah.

orang ramai sering memperkatakan mengapa manusia di masa ini meqamalkan prinsip."Aku hal aku dan kamu hal kamu." Kadangkdang kita dapati jiran sebelah menyebelah pun jarang yang bertegur sapa. Hal ini sungguh memalukan kerana dasar ISLAM ialah mengukuh-kan persaudaraan sesama manusia dan ini disebutkan "hablum minannas" atau hubungan manusia sesama manusia Pengertian dalam kanteks ini akan membawa kepada perpaduan masyarakat islam yang mana dari perpaduan ini akan mewujudkan rasa kasih sayang dan persefahaman antara satu sama lain yang dengan sendirinya akan melahirkan sebuah bentuk masyarakat Islam yang hidup berpegang kepada AlQuran dan As Sunnah. Dan daripada inilah akan lahir satu rupa tamadun dan kebudayaan Islam yang sebenamya.

Semua ini adalah hasil dari ibadah kita kepada Allah. Kita perlu mengti cara-cara ibadah yang sebenar kerana inilah pokoknya mengapa kita dijadikan Allah. Firman-Nya

yang bermaksud: "Tidak akan Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan untuk beribadah kepada Aku" membayangkan dengan jelas akan tugas dan tanggungjawab kita kepada Allah. Kalaulah kita ini mengaku diri kita beragama Islam dan sering mengucapkan kalimah "La illa ha illallah" iaitu "Tiada lain yang disembah melainkan Allah" maka sudah pastilah kita wajib mengetahui cara-cara amal perbuatan kita boleh menjadi ibadah.

Sekian dan saya berharap agar buku ini dapat dijadikan bimbingan dan pedoman kepada semua umat Islam yang cintakan Allah serta mempunyai keyakinan bahawa setiap persoalan masyarakat hanya boleh diselesaikan melalui Islam. Semoga buku ini juga dapat menjadi amalan kepada setiap umat Islam yang ingin berjuang dan berjihad dan yang ingin melihat wujudnya sebuah masyarakat Islam yang benar-benar bertamadun dan berkebudayaan sendiri sepertimana yang dituntut oleh syariat Islam.

Sekapur Sirih

BERSYUKUR saya kepada Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayah-Nya telah memberikan kesempatan bagi saya untuk menulis sebuah buku yang bertajuk Ibadah Menurut Islam ini. Mudah-mudahan ia dapat menjadi panduan dan bimbingan kepada masyarakat Islam di negara kita ini agar segala usaha-usaha dan amalan kerja kita setiap hari dapat menjadi ibadah kepada kita. Kerana dengan demikian, kita akan mendapat kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Hari ini ramai umat Islam yang kurang memahami dengan sebenar-benarnya tentang konsep ibadah menurut Islam. Mereka terkeliru dan menyangka yang setiap perbuatan mereka sehari-hari itu dinilai sebagai ibadah di sisi Allah dan kerana itu mereka sudah cukup yakin yang perbuatan mereka itu diterima oleh Allah. Di sinilah terletaknya salah faham umat Islam pada masa ini. Di

dalam buku Ibadah Menurut Islam ini saya telah huraikan dengan terperinci mengenai konsep ibadah yang sebenar.

Akhirkata saya meminta maaf atas kelemahan atau sebarang kesilapan yang terdapat di dalam buku ini yang mana kesalahan itu adalah dari kelemahan nafsu saya sendiri dan yang benar itu adalah dari Allah.

Al Abdul Muznib,
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

PENDAHULUAN

bismillahirrahmanirrahim

الحمد لله رب العالمين . الذى هدانا إلى الصراط المستقيم

بان لانكون من الضالين . والصلاة والسلام على رسول الكريم

الذي أبان لنا السبيل القويم . وعلى آله واصحابه ومن تبعهم الى يوم الدين . اما بعد

Puji dan syukurku kepada Allah Al Qodir yang tidak tehingga yang telah memberi hidayah dan inayah kepadaku kerana dapat aku menyudahkan satu lagi antologi sajak iaitu antologi sajakku yang ketiga selepas "Di Ambang Pintu Qiamat" dan "cahaya" yang berunsurkan islam sebagai menunaikan tanggungjawab kepada Allah terhadap masyarakat yang sebahagian berminat dengan sajak terutama di kalangan muda-mudi. Aku mengambil peluang menggunakan sajak sebagai alat atau wasilah untuk menyampaikan kebenaran moga-moga melalui sajak ini bertambah lagi alat-alat dan cara-cara penyebaran ajaran Islam ke tengah masyarakat Islam tanahair yang tercinta di samping mengkayakan lagi kesusasteraan yang bercorak islam. usaha yang kecil ini moga-moga menjadi amal bakti kepadaku dan memberi manafaat kepada kaum muslimin.

Al Faqir Ila Allah,
Ashaari bin Muhammad.

DALAM memperkatakan manusia dan ibadahnya kepada Allah S.W.T perlulah kita fahamkan maksud sebenar mengapa Allah menjadikan manusia dan menghidupkannya di mayapada ini. Kalau sekadar untuk mewujudkan makhluk-makhluk yang terus menerus memberikan taat setia serta patuh kepada segala perintah-Nya, maka tentulah mencukupi makhluk malaikat yang telah dijadikan-Nya, yang mana mereka itu tidak pernah engkar kepada perintah-Nya. Kerana itu manakala Allah menyatakan yang Dia akan menjadikan manusia-manusia di muka bumi ini, maka malaikat-malaikat berkata yang manusia-manusia ini akan membuat kerosakan dan menumpahkan darah. Namun demikian, Allah-lah yang lebih mengetahui apa yang mereka tidak tahu. Kerana itu Allah terus menjadikan manusia di bumi ini supaya ia menjadi khalifah atau duta-Nya. Firman Allah:

إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya:

"Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi ini" - Al Baqarah: 30

Hasilnya ialah Nabi Allah Adam A.S dan seterusnya seluruh zuriat-zuriat keturunannya. Maka Nabi Adam A.S adalah merupakan khalifah Allah yang pertama di bumi manakala seluruh zuriat keturunannya hingga dewasa ini adalah merupakan generasi khalifah-khalifah yang akan menyambung tugas Nabi Adam AS. Apakah tugas bagi generasi khalifah-khalifah ini? Tidak lain tidak bukan sudah barang tentulah untuk beribadah kepada Allah semata. Sebagaimana yang telah Allah tegaskan dalam Al Quran

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Maksudnya :

"Tidak Aku jadikan jin dan manusia itu melainkan agar mereka beribadah kepada Aku." - Ad Dzariat: 56

Dengan matlamat agar manusia-manusia yang telah Allah jadikan- itu taat beribadah, maka tentulah Dia tidak membiarkan mereka itu tanpa berpedoman dan panduan.. Mereka ini Allah wajibkan supaya berpandu kepada' risalah-risalah atau syariat-syariat yang diutuskan-Nya kepada para Rasul masing-masing. Rasul-Rasul ini diutuskan oleh Allah dari zaman ke zaman dan manusia tidak dibenarkan menyeleweng dari syariat yang ditetapkan.

Tiap-tiap Rasul yang Allah utuskan tidak boleh mengeluarkan syariat masing-masing. Di kalangan para Rasul

yang teragung dan yang terakhir sekali ialah Nabi Muhammad S.A.W. Maka umat Nabi Muhammad dikeluarkan perintah untuk beribadah kepada Allah menurut syariat-syariat yang telah disampaikan oleh Allah kepada Rasulullah S.A.W; satu syariat yang dikenali sebagai Dinul Islam atau syariat Islam.

Lantaran dari itu nyatalah Islam menjadi pegangan setiap umat Rasulullah S.A.W dan mereka diperintahkan supaya mematuhi syariat Islam di dalam setiap aspek kehidupan sepertimana yang dikehendaki oleh Allah dalam firman-Nya:

ٱدْخُلُوا۟ فِى ٱلسِّلْمِ كَآفَّةً

Maksudnya:

"Masuklah kamu di dalam agama Islam semuanya sekali." - Al Baqarah: 208

Sesungguhnya perintah Allah ini adalah menyeluruh dan tidak ada seorang pun yang terkecuali. Dan bagi mereka yang soleh atau yang taat setia atau yang bertaqwa, ganjaran mereka adalah syurga iaitu suatu rahmat ALLAH yang paling besar. Sebaliknya bagi mereka yang mengengkari syariat Rasulullah ini adalah tergolong sebagai kafir atau derhaka ('asi). Mereka akan dibalas dengan seksa yang amat dahsyat serta menggerunkan di akhirat kelak. Gelanggang penyeksaan yang tiada tolok banding di dunia ini dinamakan Neraka Jahanam dan ini telah Allah firmankan:

أَمَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ فَلَهُمْ

جَنَّٰتُ ٱلْمَأْوَىٰ نُزُلًۢا بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

وَأَمَّا ٱلَّذِينَ فَسَقُوا۟ فَمَأْوَىٰهُمُ ٱلنَّارُ

Maksudnya:

'Adapun mereka yang beriman dan beramal soleh, bagi mereka itu Syurga Makwa sebagai ternpat tingga/ sebab perbuatan mereka itu. Dan adapun bagi mereka yang *fasik (perosak) maka tempat mereka adalah neraka." - As* Sajadah: 20

Waliyazubillah.

Kesimpulannya, kiia ini kesemuanya adalah duta Allah yang dihantarkan ke dunia bagi menjalankan segala perintah yang disampaikan melalui Rasul-Rasul pilihan-Nya. Untuk ini bagi kita ialah Nabi Muhammad S.A.W dan syariatnya ialah Islam. Melalui lslamlah kita diperintahkan beribadah kepada Allah, kita diperintahkan mencurahkan segala bakti dan taat setia kepada-Nya. Barulah bersesuaian dengan taraf kita sebagai duta-Nya. Sebagaimana kalaulah kita ini dihantar oleh kerajaan kita menjadi duta ke negeri orang yang mana kita dilengkapi dengan segala kemudahan seperti kereta, rumah, gaji besar dan sebagainya, maka semestinyalah segala kemudahan ini semata untuk membolehkan kita menjalankan tugas kita dengan sebaiknya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh negara yang kita wakili itu. Seandainya kita cuai dengan tanggungjawab kita, malah menggunakan segala kemudahan itu untuk kepentingan diri kita sendiri, maka kita pasti menerima hukuman mengikut kadar kesalahan yang kita lakukan. Begitu

jugalah dengan kedudukan kita sebagai duta Allah, yang mana kita dihantar ke dunia untuk menjalankan segala tugas yang telah disyariatkan dan diberikan segala kemudahan agar kita beribadah kepada-Nya maka sekiranya kita menyalah-gunakan kemudahan itu, sudah tentulah apabila kita dipanggil balik ke negara asal kita iaitu negara akhirat, (kiia ini sebenarnya bukan warganegara dunia tetapi adalah warganegara akhirat) maka kita akan dihadapkan ke pengadilan dan kita akan diberi hukuman setimpal dengan setiap kesalahan kita. Kita tidak akan dapat melepaskan diri kita daripada seksa Allah yang amat menakutkan itu.

Bab Kedua

MENGAPA KITA MESTI BERAGAMA

1. Alasan akal dan naluri semulajadi.

BERDASARKAN perintah Allah supaya manusia-manusia khalifah-Nya di muka bumi menuruti segala syariat Islam agar terus beribadah kepada-Nya, hi sudah memang sepatutnya. Namun kalau kita tinjau dari segi akal dan naluri semulajadi, ini pun boleh membisikkan kepada hati kita yang kiia seharusnyalah berbakti dan beribadah kepada Allah. Seorang kanak-kanak baru lahir, ia diasuh dan dijagai ofeh kedua ibu bapanya sehingga besar. Setelah tiba masanya untuk disekolahkan, dia dilengkapi segala-nya, diberi segala kemudahan, dilayan segala makan minum agar proses mencari ilmunya tiada terganggu. Kini dia besar dan berilmu. Ditakdirkan Allah, maka dia men-jawat jawatan yang baik serta berpendapatan lumayan. Setelah segala sekian banyak ibu dan ayah mencurahkan bakti kepadanya, apa tidak terfikirkah di dalam akalnya

untuk membalas kembali jasa ibu ayah yang begii besar yang sudah tentu akal sendiri mengatakan yang jasa bakti ini tiada bandingannya. Bagaimana pula dengan naluri semulajadi atau bisikan hati kecilnya. Tidakkah patut naluri dan akalnya mendorong agar dia mencurahkan bakti kepada orang tuanya. Kata orang, jasa ibu disanjung tinggi Dan kalau demikianlah logiknya akal dan nalurinya berhujah, apa patutkah dia engkar kepada kedua orang tuanya. Dan patutkah dia melupai mereka. Nescaya dia akan dip sebagai anak derhaka. Masyarakat akan rnengatakan dia itu anak tidak tahu mengenang budi dan tidak membahs jasa orang tua. Malah ada yang akan menyumpah mengatakan tidak akan selamatlah hidupnya.

Kalaulah demikian halnya, bagaimana pula hujah akal dan naluri semufajadi kita terhadap nikmat Allah yang tidak ternilai itu. Tentulah tidak patut bagi kita kalau kita lalai memberikan taat setia kiia serta bakti kita kepada Allah. Memang sewajarnyalah kita memberikan bakti kiia iaitu ibadah kita kepada-Nya kerana Dia (Allah) telah me-ngurniakan kepada kita rahmat dan nikmat yang terlalu banyak. Firman-nya dalam Surah lbrahim ayat 34 yang berbunyi:

وَإِن تَعُدُّواْ نِعۡمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحۡصُوهَآ

Maksudnya :

Jika kamu hendak menghitung nikmat Allah itu nescaya kamu tidak dapat mengiranya.' - Ibrahim: 34

Dengan sebab itu seandainya kita rnenentang perkara yang akal dan naluri semulajadi kita mahukan iaitu

membalas segala nikmat dan rahmat Allah dengan beribadah kepada-Nya, maka jiwa kita akan rasa bersalah dan berdosa. Menderitalah jiwa yang sentiasa dilanda oleh dosa derhaka kepada Pemberi nikmat dan rahmat itu sebagaimana rosaknya juga jiwa yang sentiasa derhaka kepada ibu bapa yang telah sekian lama menaburkan jasa bakti mereka kepada anak yang dikasihi.

2. Nikmat-Nikmat Allah.

Sebagaimana yang kita sedia maklumi, Allah menghantarkan manusia di bumi ini adalah untuk menjadi khalifah-Nya. Kerana itu Allah tidak menghantar manusia dengan begitu saja. Allah mahukan manusia khalifah-khalifah-Nya berjaya hidup mereka di dunia supaya jalan-jalan untuk beribadah kepada-Nya adalah mudah. Dalam hal ini Allah membekalkan kepada manusia dengan berbagai kekuatan dan panduan. Pertama-tamanya Allah memperkuatkan kejadian manusia dengan akal fikiran supaya manusia dapat mengkaji setiap bidang pengetahuan. Akal inilah yang menaikkan martabat manusia lebih dari para malaikat dan dengan bekalan akal ini juga maka manusia mudah diajar dengan ilmu pengetahuan sepertimana Allah telah mengajar Nabi Adam A.S dalam firman-Nya:

وَعَلَّمَ ءَادَمَ ٱلْأَسْمَآءَ كُلَّهَا

Maksudnya :

"Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya." - Al Baqarah: 31.

Untuk melengkapkan kehidupan manusia, Allah menghantar para Rasul yang menyampaikan syariat atau peraturan serta undang-undang dalam mengatur kehidupan di semua aspek agar manusia-manusia ini dapat berjaya hidup di dunia dan di akhirat. Dengan akal yang telah Allah kurniakan tentulah manusia dapat memahami setiap aspek syariat yang disampaikan demi kebaikan mereka sendiri. Allah tentunya tidak akan meyampaikan syariat yang menghancurkan kehidupan manusia!

Lebih dari apa yang telah dinyatakan tadi, Allah masih mahukan manusia mencapai taraf kehidupan yang lebih tinggi dan agar dapat benar-benar melambangkan khalifah-Nya di dunia. Kerana itu Allah anugerahkan kepada manusia lagi satu nikmat yang berupa kekayaan langit dan bumi seperti emas, perak, intan, berlian, bijih, tembaga dan lain-lain serta hidupan binatang-binatang darat dan laut seperti kambing, lembu, ikan, udang dan lain-lain lantaran tidak tinggal juga tumbuh-tumbuhan serta kayu-kayan yang dapat menghasilkan buah-buahan dan biji-bijian yang tidak terhingga banyaknya. Semua nikmat ini Allah nyatakan dalam firman-Nya :

وَهُوَ ٱلَّذِىٓ أَنزَلَ مِنَ ٱلسَّمَآءِ مَآءً فَأَخْرَجْنَا بِهِۦ نَبَاتَ كُلِّ شَىْءٍ
فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُّخْرِجُ مِنْهُ حَبًّا مُّتَرَاكِبًا وَمِنَ ٱلنَّخْلِ
مِن طَلْعِهَا قِنْوَانٌ دَانِيَةٌ وَجَنَّٰتٍ مِّنْ أَعْنَابٍ وَٱلزَّيْتُونَ وَٱلرُّمَّانَ
مُشْتَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَٰبِهٍ ٱنظُرُوٓا۟ إِلَىٰ ثَمَرِهِۦٓ إِذَآ أَثْمَرَ وَيَنْعِهِۦٓ
إِنَّ فِى ذَٰلِكُمْ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya :

"Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, la/u Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman-tanaman yang menghijau. Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir- butir yang banyak dan dari mayang kurma yang mengurai tangkai- tangkai yang menjulai. [Dan dari air itu Kami keluarkan pula) kebun-kebun anggur dan Kami keluarkan pula zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya di waktu pohonnya berbuah dan (perhatikan pulalah) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan A//ah) bagi orang-orang yang beriman. " - Al An'am: 99

Cuba kita kemukakan persoalan ini kepada diri kita sendiri yang mana Allah telah lengkapkan dengan segala kejadian dan nikmat itu. Mengapa Allah sampai begitu sekali memberikan segala nikmat kepada kita? Untuk menjawabnya, kita perlu tanya kepada ibu bapa kita tentang mengapa mereka begitu bersusah payah memberi kita segala kemudahan di waktu kecil sampai dewasa. Tentulah jawabnya supaya kita dapat hidup bahagia dan senang berbakti kepada mereka sekurang-kurangnya tidak engkar kepada mereka. Dan kalau demikianlah halnya tentulah Allah mencurahkan segala nikmatnya kepada kita supaya kita memikirkan kembali soal-soal bagaimana hendak membalas balik segala kurnia itu kepada kita. Maka ini timbullah soal ibadah. Segala nikamat dan kurniaan itu tidak lain untuk memudahkan kita beribadah kepada Allah yang memberi. Dan sesungguhnya, barangsiapa menggunakan setiap nikmat ini sebagai alat untuk dia berbakti dan beribadah kepada-Nya maka dia dianggap sebagai orang yang bersyukur kepada Allah

S.W.T. Dan pemberian Allah tidak terhenti di situ saja. Setelah kita gunakan nikmat-Nya dan tidak lupa kita membalas melalui ibadah kita, maka Allah akan tambah lagi nikmat-Nya itu samada di dunia mahupun di akhirat. Sebaliknya jika kita engkar dan menyalah-gunakan nikmat-Nya hingga kita tidak langsung mahu memikirkan soal-soal beribadah kepada-Nya, maka inilah orang yang kufur kepada Allah faala dan hal ini Allah peringatkan dalam Al Quran Surah Ibrahim ayat 7 sebagai berikut :

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِى لَشَدِيدٌ

Maksudnya :

"Jika kamu bersyukur nescaya Aku tambahkan lagi nikmat-Ku itu kepadamu. Dan jika kamu kufur, bahawasa-nya azab-Ku amat dahsyat sekali. (Iaitu kehinaan di dunia dan azab neraka di akhirat)." - Ibarahim: 7

Bab **Ketiga**

ASPEK-ASPEK IBADAH

DI zaman ini memang ramai kita dapati orang menyalah-tafsirkan pengertian ibadah yang sebenar. Kalangan mereka berpendapat yang ibadah menghendaki manusia bersembahyang, berpuasa, menunaikan haji, berdoa dan berzikir semata-mata. Adakah ini saja yang melingkari pengertian ibadah? Akan tersekatlah segala syariat Islam sekiranya inilah yang meliputi bidang ibadah.

Sebenarnya ibadah melingkungi setiap aspek kehidupan manusia sebagaimana yang disyariatkan dalam. Islam. la adalah apa yang kita amalkan dalam hidup kita sehari-hari asalkan tidak terkeluar dari Al Quran dan Sunnah. Allah mahukan setiap apa yang kita lakukan dalam hidup kita menjadi ibadah belaka; cara kita berpakaian, cara kita mengatur rumahtangga, bentuk perjuangan kita, pergaulan kita, percakapan dan perbualan kita menjadi ibadah, sedangkan bila kita berdiam diri sekalipun perlu berbentuk

ibadah. Di samping itu aspek-aspek lain seperti pendidikan dan pelajaran, perekonomian dan cara-cara menjalankan ekonomi, soal-soal kenegaraan dan perhubungan antarabangsa, semua ini perlulah menjadi ibadah kita kepada Allah. Inilah yang dikatakan ibadah dalam seluruh kehidupan kita samada yang zahir mahupun yang batin.

Corak-Corak Ibadah

Untuk huraian lebih lanjut pengetahuan kita mengenai ibadah agar ia dapat kita fahami lebih luas lagi dan bersesuaian dengan tuntutan syariat Islam, maka di sini dibentangkan tiga peringkat ibadah yang mencakupi aspek kehidupan kita. Pertama ialah ibadah yang menjadi asas, kedua ialah ibadah yang menjadi cabang-cabang dan ketiga, ibadah yang lebih umum.

Ibadah yang asas merangkumi soal-soal aqidah dan keyakinan kita kepada Allah, para malaikat, kitab-kitab, Rasul-Rasul, hari pembalasan dan untung baik untung jahat. Inilah apa yang kita namakan rukun iman yang enam. Termasuk juga dalam huraian ibadah yang asas ini ialah rukun Islam yang lima iaitu syahadat, sembahyang lima waktu, puasa, zakat fitrah dan rukun haji (bagi mereka yang berkemampuan). Kedua bentuk ibadah yang asas ini iaitu rukun iman dan rukun Islam adalah wajib ain atau fardhu ain bagi setiap mukallaf. Bererti bahawa sebelum kita dapat melaksanakan ibadah-ibadah yang lain, kedua perkara ini perlu ada pada diri kita yang mana telah dapat kita tanamkan dalam jiwa kita.

Ibadah yang menjadi cabang-cabang kepada asas tadi iaitu yang bertalian rapat dengan asas meliputi perkara mentajhizkan mayat, menegakkan jihad, membangunkan gelanggang pendidikan dan pelajaran, mewujudkan

perancangan ekonomi Islam seperti perusahaan-perusahaan asas yang menjadi keperluan setiap umat Islam. Ini termasuklah perusahaan yang boleh menghasilkan makanan wajib seperti gula, tepung, garam, kicap dan perusahaan minuman seperti susu, kopi, teh dan lain-lain bentuk minuman ringan. Selain dari itu di bidang ini termasuk juga penggalakan usaha-usaha pertanian dan perikanan yang mana ini akan menghasilkan beberapa makanan asas bagi umat Islam seperti beras, gandum, ubi dan sebagainya, manakala perikanan pula boleh menghasilkan kita makanan ikan basah atau ikan kering. Kalau kita tilik dari satu sudut, pasti kita akan merasakan bahawa ini juga merupakan soal asas dalam perjuangan kit2 " menegakkan ibadah kepada Allah. Tentulah kita tidak mahu darah daging kita diselirat dengan zat yang bertentangan dengan syariat Allah yang pasti mungkin boleh merosakkan ibadah asas kita. Dalam menegakkan bentuk pendidikan dan pelajaran, kita semestinya menitik-beratkan hasil mutlak dari acuan pendidikan kita iaitu rupa jiwa kanak-kanak yang diacu dari peringkat tadika, menengah dan universiti. Apakah hasil yang keluar itu nanti dapat menyambung perjuangan menegakkan lagi syariat Allah. Selain dari itu tergolong dalam ibadah yang menjadi cabang-cabang ini ialah soal-soal membangunkan klinik dan hospital-hospital Islam, soal-soal siasah dan pembentukan dan penubuhan sistem pentadbiran dalam negara Islam.

Perkara-perkara yang bertakrif dalam jenis ibadah yang kedua ini adalah perkara-perkara yang kita namakan fardhu kifayah. Kita tentu lebih maklum akan apa sebenarnya fardhu ini iaitu fardhu yang menitik-beratkan soal kemasyarakatan Islam yang mana juga merupakan urat saraf dan nadi penghubung antara sesama Islam. Perkara

ini amat besar ertinya kepada ssluruh individu Islam: kerana tanpa perlaksanaan secara total dari satu-satu pihak maka seluruh masyarakat itu akan menerima bebanan dosa dari Allah. Namun seandainya terdapat satu pihak melaksanakan tuntutan fardhu ini, maka pihak itu telah melepaskan tanggungan dosa bagi seluruh masyarakat Islam. Kerana itulah fardhu kifayah merupakan salurnadi penghubung antara sesama Islam cuma peranan fardhu ini saja yang tidak difahami benar oleh masyarakat Islam kini dan kerana itu hubungan ukhwah Islamiah tidak begitu menonjol di zaman ini. Seandainya hal ini dapat memberi makna, sudah pasti kita dapat merasakan kesyukurannya sekiranya ada di kalangan pihak kita yang telah melepaskan tanggungan dosa umum dan sudah pasti sokongan kuat diberikan kepadanya. Maka tidak adalah mereka-mereka yang gagal dalam melaksanakan fardhu ini.

Kecil pertimbangannya tetapi besar maknanya. Ini ialah apa yang dinamakan sunat ain. Tergolong dalamnya ialah perkara-perkara sunat rawatib, sembahyang witir, sembahyang tahajud, sembahyang dhuha, puasa syawal, puasa Isnin dan Khamis, bersedekah dan membaca Al, Quran. Perlaksanaan ibadah ini mendatangkan pahala manakala jika tidak dilakukan tidak pula mendatangkan dosa. Namun kerana urusan ini memberikan manfaat maka ada lebih baik jika ia dikerjakan.

Dan ibadah ketiga iaitu peringkat ibadah yang lebih umum iaitu perkara-perkara yang merupakan perlaksanaan harus tetapi boleh menjadi ibadah dan mendatangkan pahala. Amalan seperti ini dapat menambahkan lagi bakti kita kepada Allah agar setiap perlakuan hidup kita ini tidak menjadi sia-sia. Tergolong dalam amalan-amalan ini ialah

seperti makan, minum, tidur baring, berjalan-jalan, berehat-rehat dan sebagainya.

Bab Keempat

HABLUM MINALLAH DAN HABLUM MINANNAS

KITA telah pun memperkata dan menghuraikan tentang tiga peringkat ibadah dalam bab yang lalu. Mengikut Al Quran, ketiga peringkat ibadah yang kita bentangkan itu adalah terbahagi dengan lebih terperinci kepada dua bahagian pokok iaitu ibadah manusia berhubung dengan Allah (hablum minallah) dan ibadah manusia berhubung dengan manusia (hablum minannas). Dalam konteks ibadah ini Allah telah menjelaskannya dalam Al Quran:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ ٱلذِّلَّةُ أَيْنَ مَا ثُقِفُوٓا۟ إِلَّا
بِحَبْلٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ ٱلنَّاسِ

Maksudnya :

"Akan ditimpa kehinaan ke atas mereka itu di mana saja mereka berada melainkan menghubungkan diri dengan

Allah dan menghubungkan diri sesama manusia." - Al Imran: 112

Peringkat ibadah yang telah kita huraikan dalam Bab Tiga boleh dimasukkan ke dalam dua bahagian ini. Dalam bahagian ibadah manusia berhubung dengan Allah kita dapati bentuk-bentuk ibadah yang mencakupi semua bidang fardhu ain serta soal-soal aqidah yang melibatkan rukun-rukun iman dan Islam. lbadah manusia berhubung dengan sesama manusia merupakan suatu persyarikatan manusia dalam mana satu-satu individu itu adalah seikatan dengan keluarganya, jirannya dan masyaratkanya dan peranannya dalam jihad, dalam menegakkan pendidikan dan pelajaran Islam, dalam menegakkan "amrun bil maaruf wanahyun anil mungkar". Termasuk juga dalam bahagian ini peranan seseorang individu itu dalam mewujudkan siasah corak Islam, negara Islam dan alam sejagat. Dari segi ini hablum minannas ada hubungannya dengan hukum-hukum fardhu kifayah.

Dalam memperkatakan kembali pembahagian ibadah kepada perhubungan dengan Allah dan perhubungan dengan manusia ini, kita sebenarnya diperingatkan oleh Allah dalam ayat yang sama bahawa kita akan ditimpa kehinaan di mana saja kita berada jika soal kedua ibadah ini tidak dapat kita tegakkan. Begitulah Allah memberi amaran kepada kita. Cuba kita singkap tabir yang sekian lama mengabui mata hati dan penglihatan kita sejenak dan menungkan seikhlas-ikhlasnya akan kebenaran amaran Allah dalam firman-Nya itu. Apakah tidak ada unsur-unsur penghinaan yang telah Allah timpakan kepada manusia yang tidak memperdulikan peringatan-Nya itu? Tegakkan hablum minallah tetapi abaikan hablum minannas, Allah tetap timpakan penghinaan. Tegakkan hablum minannas

tetapi abaikan hablum minallah, maka Allah tetap menghina manusia itu. Atau tegakkan kedua-duanya tetapi perlaksanaannya tidak menurut syariat yang diperintahkan oleh Allah, penghinaan tetap akan menimpa.

Apakah bentuk-bentuk penghinaan yang Allah timpakan? Berleluasanya maksiat dan kemungkaran; jenayah semakin menjadi- jadi hingga langkah-langkah mencegah tidak berkesan; krisis moral sering menonjol di kalangan masyarakat; timbul pettelingkahan dan perkelahian dan seterusnya membawa kepada peperangan dan pertumpahan darah sesama manusia. Dalam keadaan dunia yang penuh dengan berbagai gejala yang disebutkan itu, maka nyatalah kepada kita yang dunia ini sudah tidak ada ketenangan lagi. Kita rasakan yang seolah-olah keselamatan kita makin terancam dari masa ke semasa. Yang mempunyai kekayaan dan berharta merasakan yang bila-bila masa saja jiwa mereka terancam manakala gadis-gadis dan wanita-wanita sentiasa merasakan yang dirinya boleh menjadi mangsa perogolan dan lain-lain bentuk jenayah dan maksiat. Bagaimana pula dengan pemimpin-pemimpin? Mereka ini juga sentiasa dalam keadaan fikiran yang terancam kerana merasakan ada pemimpin lain yang akan merampas kuasanya. Apabila berlaku perebutan kuasa di kalangan pemimpin, maka pertumpahan darah pasti berlaku.

lnilah dia gejala-gejala penghinaan yang Allah timpakan kepada kaum-kaum yang derhaka yang tidak benar-benar melaksanakan perintah-Nya tentang hablum minallah dan hablum minannas. Kehidupan yang terdedah kepada beraneka macam gejala ini menjadikan dunia ini neraka manakala di akhirat pula akan ada lagi satu neraka yang

lebih dahsyat dan hebat lagi. Gambaran mengenai ‘penderitaan ini Allah terangkan dalam Al Quran :

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ

لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

Maksudnya :

“Telah lahirlah kerosakan di daratan dan di lautan disebabkan oleh usaha tangan manusia itu sendiri supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar. I - Ar Rom: 41

Bab Kelima

BAGAIMANA AMALAN BOLEH DIJADIKAN IBADAH

SEBAGAIMANA yang telah kita katakan dalam awal buku ini bahawa amalan ibadah bukanlah bermakna sembahyang, puasa, zakat fitrah dan menunaikan haji sahaja, malah setiap amalan kita seperti yang diterangkan dalam Bab Ketiga boleh merupakan amalan ibadah, samada yang asas, cabang-cabang atau yang umum. Ketiga-tiga bahagian ini yang berbentuk sifat wajib, sifat sunat dan sifat harus hanya akan menjadi ibadah kita kepada Allah jika tiap perlakuan itu menurut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh syariat Islam. Apabila amalan-amalan kita menjadi ibadah dan amal bakti sebagaimana mengikut syariat Islam, maka barulah kita diberi pahala. Sekiranya amalan-amalan kita tidak mengikut syarat-syarat syariat Islam, maka ia menjadi suatu perlakuan yang sia-sia sahaja mengikut pandangan Allah. Maka amalan itu tidak diberi pahala malah ada kalanya mendatangkan dosa pula.

Setiap usaha dan perlakuan kita, agar ia menjadi ibadah kepada Allah perlu mencukupi lima syarat. Pertama ialah niat yang mana ia mestilah betul-betul kerana Allah. Kedua perlaksanaannya mesti betul. Ketiga benda atau perkara yang hendak dibuat itu nyata sah atau halal mengikut syariat. Keempat natijah mesti betul. Dan kelima tidak meninggalkan perkara-perkara yang asas. Seandainya amalan-amalan kita tidak menuruti kelima-lima syarat itu, maka ia tidak boleh diiktirafkan sebagai amalan Islam malah ia dianggap amalan Jahiliah. Amalan ini tidak diterima oleh Allah Taala.

Bagaimana jaminan kita agar amalan kita memenuhi syarat-syarat yang disebutkan itu supaya ia menjadi ibadah? Katalah kita melibatkan diri dalam perniagaan dan hasrat kita agar perniagaan itu menjadi ibadah kita kepada Allah. Pertama sekali kita perlu meneliti niat kita untuk menyesuaikan dengan syarat pertama. Bagi niat yang betul ia mestilah menunaikan perintah Allah untuk membantu anggota masyarakat mendapat menafaat dari perniagaan kita. Kalau perniagaan berbentuk menghasilkan makanan, makanan kita mestilah boleh memudahkan umat Islam membelinya bagi memenuhi keprluan hidupnya yang pokok, manakala kalau perniagaan kita berbentuk perkhidmatan seperti perubatan, guaman, penulisan dan lain-lain bentuk perkhidmatan professional maka niatnya mestilah berkhidmat kepada anggota masyarakat Islam kerana Allah yang mana kalau perniagaan kita itu tidak diujudkan maka susahlah umat islam kerana terpaksa mendapatkan kepakaran daripada yang bukan Islam. Begitu jugalah dalam bidang-bidang perniagaan yang lain yang mana keujudan perniagaan itu mesti diniatkan kerana Allah dan memberi menafaat terutamanya kepada seluruh anggota masyarakat Islam. Bermakna kalau perniagaan yang

berbentuk tidak membantu anggota masayarakat Islam mendapatkan keperluan asasnya, seperti perniagaan yang mirip kepada membawa kehancuran hidup maka sukarlah mengukuhkan niat yang betul. Kemudian kita fikirkan tentang perlaksanaan perniagaan. Ini ialah soal-soal mengenai cara kita menjalankan perniagaan itu. Tentu sekali ia melibatkan kejujuran, amanah dan bersih dari amalan riba dan sebagainya. Dan yang ketiga, kita perhatikan samada dalam urusan perniagaan kita itu terhindar dari benda-benda yang tidak halal atau tidak mengikut syariat Islam misalnya perniagaan menjual arak, rokok dan sebagainya. Keempatnya kita tinjau natijah (hasil) perniagaan kita itu yang mana maksudnya kalau kita mendapat keuntungan kita tidak abaikan zakatnya dan soal-soal korban dan turut membantu perjuang'an menegakkan ugama Allah serta membantu kaum yang miskin dan lemah. Yang kelima kita perlu memikirkan soal-soal asas, iaitu dalam kesibukan kita menjalankan perniagaan kita tidak boleh melalaikan sembahyang, puasa dan sebagainya. Kerana kesibukan itu tidak boleh dijadikan alasan bagi kita meninggalkan yang wajib.

Pertimbangan yang sama boleh kita berikan kepada soal-soal perlakuan lain misalnya dalam perlakuan mencari ilmu dan belajar. Apakah niat kita mencari ilmu itu kerana menunaikan perintah Allah atau untuk mendapatkan jawatan dan pangkat yang tinggi supaya kita boleh disanjung-sanjung dan dimuliakan? Apakah perlaksanaan dalam menuntut ilmu itu betul yang mana dalam proses mencari ilmu itu tidak terdapat pergaulan bebas antara lelaki perempuan yang bukan muhram dan bagi perempuan pula adakah berlaku pendedahan aurat? Kemudian adakah perkara yang kita pelajari itu bersesuain dengan syariat Islam dan halal misalnya belajar ilmu Hukum Islam,

Kedoktoran, Perundangan Islam, Sains dan Hisab dan sebagainya? Harus kita ingat yang bertentangan dengan syariat ialah seperti belajar ilmu mencuri, sihir (black magic), tari menari, bermain muzik dan sebagainya. Manakala ilmu telah diperolehi, maka ia hendaklah dijadikan alat untuk berbakti kepada Allah. Dan akhir sekali dalam. proses kita menuntut ilmu itu pula kita tidak boleh meninggalakan perkara yang asas seperti bersembahyang, puasa dan sebagainya.

Bagaimana pula dengan seorang yang berjuang menegakkan agama Allah? Pada zahirnya sudah tentulah ini merupakan satu ibadah. Tetapi kiranya ia tidak memenuhi syarat yang diterangkan itu amalannya akan menjadi sia-sia dan berdosa. Cuba kita perhatikan. Pertama niatnya mestilah benar-benar untuk berjuang untuk membela nasib bangsa dan tanahair serta benar-benar menegakkan agama kerana Allah. Perlu diingat bahawa membela nasib bangsa dan membebaskan tanahair dari penjajahan adalah satu perintah Allah ataupun mempertahankan negara dari dikuasai oleh orang kafir. Tetapi dalam urusan kita ini, kita mempunyai niat yang tersendiri yang merupakan kepentingan peribadi, maka perjuangannya menjadi tidak bermakna. Kedua dalam masa kita melaksanakan perjuangan itu, kita tidak melakukan kezaliman, atau menindas serta memfitnah orang lain. Ketiga apa yang kita perjuangkan itu nyata sah atau halalnya seperti berjuang melepaskan bangsa Islam yang dizalimi dan tertindas. Keempat, natijah perjuangan kita itu hendaklah betul iaitu setelah kita berjaya membebaskan bangsa dan negara dari ditakluki atau setelah perjuangan kita itu berjaya, kita hendaklah menggunakan kejayaan kita itu untuk lebih meninggi syiar Islam dan lebih mengukuhkan syariat Islam. Dan yang kelima, dalam masa

kita berjuang itu, perkara yang wajib tidak kita tinggalkan seperti sembahyang dan puasa.

Kadang-kadang dalam soal mencari rezekipun kita mesti faham benar-benar samada bersesuaian dengan syarat ibadah yang lima itu. Kita boleh tergelincir dalam usaha mencari rezeki hingga kadang-kadang pegangan kita menjadi salah. Bagaimana niat mencari rezeki agar ia mencari rezeki itu kerana menanggung dan menyara hidup keluarga dan ini merupakan tuntutan wajib dari Allah. Terkadang ada antara kita yang berniat untuk mencari kekayaan dan kemewahan hidup agar ia dipandang mulia dan dihormati masyarakat dan baginya kekayaan itu meniadi kemegahan padanya. Perlaksanaan mencari rezeki perlu sekali dipertimbangkan dalam- dalam' kerana di sini juga ramai di kalangan kita yang tersilap hingga usaha-usaha yang bertentangan dengan syariat dianggapnya sebagai sumber rezekinya. Mencuri, menjual kehormatan dan perlakuan-perlakuan seumpamanya kadang-kadang dianggap benar sebagai sumber rezeki yang mana sebenarnya adalah yang bertentangan dengan syariat. Kadang-kadang dalam perlaksanaan mencari rezeki kita bergaul antara lelaki perempuan yang bukan muhram. Ini juga adalah salah. Sah atau halalnya usaha-usaha kita mencari rezeki dapat ditinjau dari segi jenis kerja yang kita lakukan misalnya bercucuk tanam, menangkap ikan, berternak, bekrja di kilang-kilang yang hasilnya tidak, bertentangan dengan syariat seperti kilang roti, susu dan sebagainya dan bukannya kilang-kilang yang menghasilkan arak atau sumber kewangan tempat bekerja itu bergantung sepenuhnya dengan hasil riba dan sebagainya. Keempat natijah mencari rezeki itu pula hendaklah dengan tujuan memberi makan, pakaian dan perlindungan kepada keluarga dan diri sendiri; bukannya

untuk berjudi, berhibur dengan berbagai bentuk hiburan atau meminum arak dan lain-lain yang seumpamanya. Akhirnya semasa mencari rezeki jangan pula kita lalaikan perkara yang asas seperti sembahyang dan puasa atau lalai dalam mencari ilmu fardhu ain.

Cuba kita perhatikan lagi satu contoh yang mudah tetapi boleh juga tersalah cara hingga ia tidak lagi menjadi satu ibadah, iaitu malan bermesyuarat atau syura. Ini sebenarnya memang menjadi tuntutan dalam Islam sebagaimana yang diterangkan oleh Allah :

وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

Maksudnya :

"Urusan mereka (iaitu umat Islam) adalah bermesyuarat sesama mereka. " - As Syura: 38

Untuk amalan bermesyuarat atau syura ini menjadi ibadah ia juga mesti memenuhi syarat ibadah. Untuk ini niat mengadakan mesyuarat itu sendiri mesti betul iaitu bermesyuarat kerana menjalankan perintah Allah; kedua, melaksanakan mesyuarat itu dengan betul misalnya tidak ada kaum perempuan yang mendedahkan aurat di dalam perundingan; ketiganya ajenda perbincangan nyata halal atau sahnya di sisi syariat seperti membincangkan masalah nahyun anil mungkar atau memperdebatkan keselamatan ummah atau negara dan bukannya membincangkan bagaimana hendak membangunkan kilang arak, tempat- tempat perjudian atau masalah bagaimana pelacuran boleh dihalalkan atau membahaskan mengadakan majlis tari menari dan majlis hiburan dan seterusnya. Natijah mesyuarat itu mesti betul iaitu setelah keputusan diperolehi

ia akan dilaksanakan dengan baik. Kelima ketika menjalankan mesyuarat jangan pula ada yang terlalai menunaikan sembahyang atau tidak berpuasa.

Demikianlah lima syarat ibadah bagi setiap amalan dan perbuatan. Kalau setiap perbuatan kita itu, diselaraskan dengan syarat-syarat ini maka amalan-amalan kita itu dari sebesar-besar yang wajib kepada sekecil-kecil yang harus, ia akan menjadi ibadah kita kepada Allah dan kita akan diberi ganjaran pahala dari-Nya.

Bab Keenam

NIAT, PERLAKSANAAN, NATIJAH DAN PERKARA ASAS DALAM IBADAH

Niat

SEJAUH manakah kita telah mengamalkan niat dalam tiap perlakuan atau amalan kita. Oleh kerana di dalam ajaran Islam itu niat memainkan peranan yang penting untuk membezakan diantara amalan ibadah dengan amalan adat dan di antara niat kerana Allah dengan niat kerana yang lain-lain agar perlakuan kita itu menjadi ibadah maka niat kita hendaklah betul. Ertinya setiap perlakuan atau amalan kita sehari-hari mesti dimulai dengan niat. Sabda Rasulullah S.A.W berbunyi:

إنما الأعمال بالنيات وإنما لكل امرئ ما نوى

بخاري مسلم. -

Maksudnya:

"Hanya sanya amalan-amalan ifu adalah sah dengan niat dan adalah setiap seseorang itu apa yang dia niatkan."

Dan sabdanya lagi:

نية المؤمن خير من عمله

Maksudnya:

"Niat orang mukmin itu adaiah lebih baik daripada amalanya."

Perlaksanaan

Setiap apa sesuatu amalan kita adalah merupakan satu peraturan. Sedangkan hidup kita dalam satu haripun merupakan satu peraturan. Dan perlaksanaan di dalam satu-satu hal atau satu-satu perkara juga adalah merupakan satu peraturan (nizam). Kerana itulah perlaksanaan menentukan samada satu-satu amalan itu menjadi ibadah atau tidak bersabit dari amalan yang ttidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam syariat Islam. Dan kerana itu jugalah kita harus mendalami pengertian kita mengenai perlaksaanaan agar ia benar-benar di atas landasan syariat. Dalam hal ini Allah tidka akan membiarkan seseorang itu tanpa panduan jika benar-benar ia mempunyai hasrat perlaksanaan mengikut syariat. Untuk memelihara keselamatan manusia di dalam pergaulannya agar manusia sentiasa melaksanakan sesuatu mengikut landasan yang ditetapkan, Allah berfirman:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

"Dan jika mereka berjuang pada jalan Kami (ikut peraturan kami) sesungguhnya Kami akan tunjukkan jalan Kami jalan keselamatan) bahawasanya Allah beserta orang yang membuat baik." - Al Ankabut: 69

Dalam hal ini ulama juga ada berkata:

ألحق بلانظام سيغلب الباطل بالنظام

Maksudnya:

"Yang hak kalau tidak ada peraturan akan dikalahkan oleh yang batil yang ada peraturan."

Perkara (subjek)

Dalam pengeritan subjek (perkara) atau benda-benda yang menjadi tumpuan untuk dilaksanakan itu mestilah mendapat keredhaan Allah. Subjek yang menjadi pokok itu mestilah atau suci agar pemusatan usaha-usaha benar-benar menjadi ibadah kepada Allah. Soal ini adalah menjadi lebih penting dan utama sekali seandainya perlaksanaan itu melibatkan benda-benda makanan dan minuman seperti dalam soal mencari rezeki untuk dijadikan makanan keluarga atau dalam mengusahakan perniagaan barang makanan yang hasilnya menjadi makanan kepada semua umat Islam. Dalam hal ini Rasulullah S.A.W memberikan keterangan dalam hadisnya yang berbunyi:

كل لحم نبت من حرام فالنار أولى به

- الترميذي

Maksudnya:

"Tiap-tiap daging yang tumbuh daripada benda yang haram, maka neraka adalah yang lebih patut dengannya."

Dan dalam hadis yang lain Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Hati ditempa mengikut makanan dan minuman."

Jadi nyata sekali bahawa Rasulullah S.A.W begitu mengutamakan benda-benda makanan kerana kalau benda yang dimakan atau diminum itu yang kotor mengikut syariat islam, hati sesoerang itu akan ditempa dengan begitu rupa hingga ia menjadi degil dan sukar menerima kebenaran. Terkadang orang demikian lantas menolak kebenaran dan menentangnya pula.

Natijah

Natijah merupakan hasil usaha seseorang. Hasil ini mestilah baik kerana ia merupakan pemberian Allah ataupun nikmat-Nya kepada hamba-Nya. Dan setelah itu, hamba-hamba yang dikurnia rahmat ini wajib bersyukur kepada Allah. Bagaimanakah seseorang itu dikehendaki menunjukkan tanda kesyukurannya kepada Allah? Antaranya ialah berzakat, melakukan korban, serta membuat kerja amal bakti seperti bersedekah dan sebagainya. Dan kepada mereka ini Allah berfirman seperti berikut:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Maksudnya:

“Jika kamu bersyukur nescaya Aku, Allah akan tambah lagi nikmat-Ku kepadamu dan jika kamu kufur sesungguh-nya seksaan-Ku ada/ah amat dahsyat.”

Dengan ini, natijah bagi setiap amalan agar ia menjadi ibadah ialah dengan membelanjakan keuntungan yang diperolehi atau hasil usaha bagi setiap perlaksanaan untuk jalan Allah. Kalau ia hendak dibelanjakan untuk membantu kaum miskin atau anak-anak yatim manakala jika berupa ilmu yang dicari maka ilmu ini hendaklah digunakan menurut yang diredhakan oleh Allah dan seterusnya setiap natijah-natijah lain. Ia mestilah digunakan pada perkara-perkara yang benar-benar sah dan halal.

Asas.

Kita telah menyentuh soalj ibadah yang asas dalam bab-bab yang lalu. Dua perkara utama yang menjadi ibadah asas ialah rukun iman yang terdiri di atas enam rukun dan rukun Islam yang terdiri di atas lima rukun. Keduapdua inilah yang merupakan tapak untuk menegakkan segala amalan yang lain yang mana kalau kedua ini tidak ada samalah ibarat mendirikan rumah di atas air. Di dalam syariat Islam telah dijelaskan sebagai berikut:

أول الدين معرفة الله

Maksudnya:

“Mu/a-mu/a sekali di da/am agama ialah mengenal Allah Taala.”

Begitu juga dengan rukun Islam yang lima perkara itu. ia menjadi perkara asas yang perlu diketahui oleh setiap orang Islam dan melaksanakan amalan yang tergolong dalamnya adalah merupakan amalan asas yang mana amalan-amalan yang lain merupakan batu-bata pelengkap sesuatu bangunan. Pokok amalannya bermula dari tapak ini. Di antara lima perkara dalam rukun Islam itu, ialah sembahyang. Rasulullah sendiri menekankan begitu pentingnya amalan sembahyang dalam sabdanya:

ألصلاة عماد الدين ومن أقامها فقد أقام الدين
ومن تركها فقد هدم الدين - البيهاقي

Maksudnya:

"Sembahyang itu adalah tiang agama. Barangsiapa felah mendirikannya maka dia telah mendirikan agama. Dan barangsiapa yang meninggalkannya maka adalah dia telah meruntuhkan agama. "

Bersabda Rasulullah lagi:

من ترك الصلاة متعمدا فقد كفر جهارا .

Maksudnya:

*"Barangsiapa yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja nyatalah ia telah kafir. **

Jadi nyata sekali yang setiap amalan itu berasas kepada dua perkara ini yang mana merupakan amalan yang paling

wajib. Bermakna tidak boleh ditinggalkan samasekali. Tiada rukun Iman dan tiada rukun Islam, maka seluruh amalan yang lain itu tidak ada ertinya lagi. Jika kita ibaratkan amalan kita ini berupa sebatang pokok, rukun Iman ialah akar tunjangnya manakala rukun Islam adalah batang utamanya. Rosak kedua-dua ini maka seluruh ranting-ranting, daun, bunga dan buah tidak ada makna lagi.

Dalam keadaan demikian, perlulah kita mengambil peringatan yang berat dalam soal mencari ilmu pengetahuan di bidang rukun Iman dan rukun Islam. Gabungan kedua rukun ini boleh diibaratkan sebagai raja di dalam sesebuah negeri yang mana seluruh rakyat mesti memberikan taat setia mereka. Bererti amalan yang utama ialah memberikan taat setia kepada raja manakala jika amalan ini tidak dilaksanakan, murkalah raja dan sekalipun seseorang rakyat itu mempunyai peribadi baik dan setiasa beramal bakti dengan sesama rakyat lain, namun jika raja mendapati yang dia engkar memberikan taat setia, pasti raja tak dapat mengiktiraf amalan-amalannya yang lain. Dia tetap dianggap sebagai pendurhaka.

Bab Ketujuh

IBADAH PEMBENTUK TAMADDUN ISLAM

DARIPADA pengertian kita mengenai ibadah yang mana merangkumi lima syarat yang penting iaitu niat, perlaksanaan, natijah, sah atau halalnya amalan dan tidak mencuaikan amalan asas, apakah yang dapat kita rumuskan. Setelah setiap amalan kita itu berjalan dengan baik yang meliputi lima syarat itu dan setelah demikian dapat dianggap sebagai ibadah yang mana akan diberi Allah ganjaran di akhirat kelak denga syurga, maka tidakkah ini merupakan satu nilai dalam mana segala susunan hidup itu berjalan denga baik dan teratur mengikut landasan yang semuanya menuju kepada satu matlamat. Masing-masing berlumba-lumba mencapai matlamat itu dan kita dapati yang landasan masing-masing tidak pernah merintangi landasan orang lain. Tidakkah ini merupakan satu tamaddun Islam yang mempunyai ciri-ciri nilai yang tersendiri yang semestinya boleh dianggap lebih maju dari apa yang dikatakan kemajuan zaman kini. Dan dalam keindahan nilai hidup ini, kita akan dapat satu

masyarakat yang benar-benar berdikari tanpa menyandarkan nasib kepada manusia sejagat yang lain yang lang sung memandang serong terhadap Islam.

Dalam tamaddun yang dinamakan tamadun Islam inilah baru lahirnya satu bentuk kebudayaannya tersendiri; kebudayaan yang penuh berdisiplin serta serta bersatu dan masing-masing mempunyai satu rasa tanggungjawab yang penuh dengan kasih sayang yang diikat kukuh dengan pertalian iman dan Islam yang mana menjadi pendorong dan landasan kepada pembentukan tamadun ini. Tidak dengan dipaksa atau dipasakkan ke telinga atau ke jiwa masing-masing dengan kata-kata bersemangat atau sebagainya. Apakah yang menjadi pegangan masyarakat yang telah terbentuk ini. Tidak lain dan tidak bukan ialah Al Quran dan Al Sunnah yang mana menjadi perlembagaan utama bagi mereka merujuk sesuatu persoalan.

Dengan berpegang kepada perlembagaan yang disampaikan oleh Allah itu dengan senddirinya mendorong manusia menegakkan sistem pendidkan dan pelajarannya, menegakkan ekonomi, menegakan negara, menegakkan jihad, menegakkan tentera dan sebagainya.

Dengan ini nyata tamadun dan kebudayaan Islam bukan tertegak di atas landasan tamadun atau kebudayaan orang lain. Setiap aspek ibadah dalam Islam adalah tamadunnya sendiri dan bukan saduran- saduran dari ciptaan manusia sejagat. Tamadun dan kebudayaan Islam adalah ciptaan Allah sendiri yang mana cukup diberikan peraturan-peraturan dan disiplin-disiplinnya. Tidak ada ,satu fasal pun yang tertinggal di dalam perlembagaan Al Quran yang mana manusia perlu membuat pindaan dari tahun ke tahun. la tidak memerlukan persidangan membetulkan

perlembagaan. Semua bab dan semua fasal telah lengkap dan ia tahan sampai dunia kiamat.

Apa yang umat Islam hari ini bermati-matian dan berhempas pulas di dalam seminar-seminar dan persidangan-persidangan samada negeri mahupun antara-bangsa cuba lahirkan ialah semata-mata Tamaddun Umat Islam. la tidak sama dengan Tamaddun Islam. Tamaddun ini memang sudah dicipta di zaman Rasulullah S.A.W tetapi ditolak sendiri oleh umat Islam kini dan mereka cuba melahirkan Tamaddun Umat Islam. Mungkin mereka ini membangunkan Tamaddun Umat Islam berlandaskan faham-faham kapitalisma, sosialisma, komunisma nasionalisma dan berabagai-bagai 'isma' lagi. Semua ini tidak dianggap ibadah.

Hasil ini jauh menyimpang dari Tamadun Islam. la merupakan hasil usaha 'akliah dan hawa nafsu dengan semangat, jiwa atau roh orang lain yang kita pinjam yang mana cuba di-bangunkan oleh umat Islam yang jiwa dan rohnya sendiri telah dicanai oleh mereka. Dengan perbuatan ini, umat Islam hanya memperkembang dan memajukan tamadun dan kebudayaan mereka. Tamaddun dan kebudayaan Islam adalah bertunjangkan Al Quran dan Al Sunnah.

Perlukah kita berbangga dengan kemajuan yang dicapai melalui proses-proses yang bukan hasil ibadah itu? Dapatkah kita bermegah dengan tamaddun yang dicipta oleh mereka yang bukan lagi berjiwa Islam? Kalau kita turut berbangga, bermakna kita tidak kenal apa dia tamaddun Islam dan apa itu kebudayaan Islam.

Kemajuan dan peradaban Islam itu adalah sesuatu yang suci dan murni yang akan memberi keselamatan dan kesejahteraan kepada umat. Kerana ia dibangunkan oleh orang yang berjiwa suci, kerana ia mempunyai hati yang ada pertaliannya dengan Allah dan alam akhirat. Oleh kerana itulah kita tidak mahu menerima sesuatu kemajuan yang lama yang mana kerap dibanggakan didalam pertunjukkan raksaksa, pamiran sejagat dan sebagainya. Banyak sekali kita terkeliru dalam pamiran-pamiran seperti demikian yang menunjukkan kemajuan barang-barang ukiran umat Islam, pakaian-pakaian sutera lelaki, bejana-bejana emas, perak, ukiran patung- patung atau peninggalan umat zaman silam seperti binaan-binaan masjid atau istana yang tiang-tiangnya atau mihrabnya atau qubbahnya yang bersalutkan emas. Ini bukan kemajuan Islam atau peradaban Islam malah ada benda-benda itu didapati haram di sisi Islam. Islam tidak mendorong membuat benda-benda seperti patung atau ukiran patung dan lain-lain. Malah Islam melarang semua itu.

Selama ini kita telah dikelirukan oleh setengah-setengah umat Islam yang fikirannya telah diselewengkan oleh musuh-musuh Islam yang mengatakan setiap usaha yang merupakan pencapaian sebarang bentuk kemajuan oleh umat Islam sendiri adalah tamaddun dan peradaban Islam, walaupun ia bercanggah dengan aqidah dan syariat Islam. Kerana itu ada segolongan manusia sejagat yang mendabek dada berbangga dengan usaha-usaha mereka dalam menegakkan pendidikan, ekonomi atau politik dan berkata yang mereka telah berbakti kepada umat Islam kerana bakti atau ibadah itu bukan sekadar sembahyang atau urusan masjid saja. Benar! Semua itu adalah ibadah. Tetapi yang salah ia dilaksanakan tidak mengikut syariat Islam dan tidak berpegang kepada syarat-syarat ibadah

yang lima itu. Kerana itu adakah hasil dari usaha yang mereka katakan ibadah itu dapat mengujudkan satu sistem dan peraturan hidup seperti yang diterangkan pada permulaan bab ini tadi? Sayang sekali kerana apa yang berlaku pada masa kini merupakan penghinaan yang ditimpakan oleh Allah kepada manusia. Kerana ada umat Islam yang tersalah anggap. Kerana ada umat Islam yang menyangka seolah-olah Islam itu semata-mata mendorong dan tidak mengatur dan mendisiplin. Bagi mereka hasil dari sistem yang dikatakan kemajuan tamaddun itu tidak menjadi persoalan pokok kerana itu adalah masalah mereka yang kemudian.

Bab Kelapan

IBADAH PEMBENTUK KEBUDAYAAN ISLAM

SEBAGAIMANA yang telah kita huraikan dalam Bab Ketujuh, bahawa kerrana manusia mengerjakan amalannya menurut syarat-syarat ibadah serta berlandas kepada Al Quran dan Al Sunnah, maka lahirlah satu generasi tamadun Islam. Islam yang bertamadun ini sudah tentu mempunyai kebudayaannya tersendiri. Maka di dalam bab ini marilah kita tinjau sedikit tentang apa yang dikatakan kebudayaan Islam itu dan bagaimana syariat mendorong pembentukan kebudayaan Islam.

Adakah Islam itu sendiri satu kebudayaan? Begitu ramai sekali ahli-ahli kebudayaan di masa ini menyuarakan pendapat ini. Mereka dengan lantang mengatakan bahawa Islam itu adalah kebudayaan kerana ia merupakan satu cara hidup atau 'way *of life'.* Apakah benar pendapat mereka ini? Marilah kita perhatikan takrif kebudayaan. Kebudayaan itu ialah suatu hasil usaha tenaga fikiran dan tenaga lahlr manusia. Kalau demikianlah takrif kebudayaan

maka nyatalah yang syariat Islam itu bukan kebudayaan kerana Islam. itu wujud bukan dari hasil fikiran manusai atau bukan hasil usaha lahir manusia. Kerana Al Quran yang merupakan sumber syariat Islam bukan hasil ciptaan manusia. la adalah wahyu daripada Allah S.W.T. Dengan ini jelaslah bahawa barangsiapa mengatakan yang syariat Islam itu suatu kebudayaan, maka ia telah melakukan suatu kesalahan yang besar.

Namun demikian kita mengakui bahawa syariat Islam itu mendorong umat Islam berkebudayaan. Ini akan terhasil sekrianya segala perintah amalan dalam Islam diamalkan mengikut syariat dan syarat-syaratnya. Di bawah ini kita kemukakan beberapa contoh bagaimana umat Islam dengan sendirinya terdorong membentuk satu kebudayaan Islam hasil dari usaha amalan mereka menurut perintah Allah. Firman Allah berbunyi:

وَلَا تَمْشِ فِي ٱلْأَرْضِ مَرَحًا

Maksunya:

"Janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan keadaan angkuh." - Al Isra': 37

Ayat ini jelas membentuk suatu peribadi Islam yang dengan sendirinya akan merupakan satu rupa kebudayaan dalam mana seluruh umat Islam tidak akan mempunyai sifat angkuh diri. Sebaliknya akan mempunyai sikap yang tawadhuk dan merendah diri.

Al Quran menyuruh kita memberi salam seperti dalam ayat:

وَإِذَا حُيِّيتُم بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا۟ بِأَحْسَنَ مِنْهَآ أَوْ رُدُّوهَآ

Maksunya:

"Apabila kamu diberi ucapan salam, maka hendaklah kamu mengucapkan dengan sebaik-baiknya atau kembalikan yang sama seumpama." - An Nisa': 86

Ini adalah kebudayaan Islam iaitu sautu cara amalan umat Islam memberi salam ketika bertemu sesama sendiri. Umat Islam mempunyai satu ucapan yang murni dalam memberi salam bukan kebudayaan yang disadur seperti "selamat pagi" atau "Hello" dan sebagainya.

Syariat Islam menetapkan suatu bentuk pakaian kepada wanita Islam. Syariat menyuruh wanita Islam menutup aurat seperti perintah Allah dalam Surah Al Ahzab Ayat 59 :

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ قُل لِّأَزْوَٰجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ ٱلْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ
عَلَيْهِنَّ مِن جَلَـٰبِيبِهِنَّ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ
ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya :

Wahai Nabi, katakanlah olehmu kepada isteri-isterimu dan anak- anak perempuan kamu dan perempuan-perempuan mukmin agar mereka- melabuhkan jilbab mereka kerana yang- demikian itu hampir dikenal sebagai wanita yang beriman, maka tidak akan diganggu dan adalah Allah itu Maha Pengampun dan Maha Pengasih.

Ini lagi satu kebudayaan Islam yang menentukan cara berpakaian wanita Islam. Berpakaian menutup aurat adalah wajib dan bukan dicipta oleh fikiran manusia atau suatu bentuk fesyen seperti kebanyakan orang mengatakan. Ada yang mengatakan pakaian wanita sebenar ialah pakaian kebudayaan yang ada pada mereka. Lantang sungguh mereka menentang perintah Allah!

Seterusnya Allah berfirman lagi :

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ
وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمْ يَخْشَ إِلَّا ٱللَّهَ فَعَسَىٰٓ
أُو۟لَٰٓئِكَ أَن يَكُونُوا۟ مِنَ ٱلْمُهْتَدِينَ

Maksudnya :

"Hanyasanya yang mengimarahkan masjid Allah Taala ialah orang yang beriman dengan Allah dan hari akhirat dan yang mendirikan sembahyang dan yang membayar zakat dan dia tidak takut melainkan kepada Allah. Mudah-mudahan mereka itu daripada orang yang mendapat petunjuk. " - At Taubah: 18

Dalam ayat di atas disebut perkataan *"Ya' muru* yang maksudnya ialah *"orang yang membangunkan masjid'* dan "yang meramaikan masjid" untuk beribadah kepada Allah. Barangsiapa umat Islam yang mengikut perintah ayat ini dan sesuai dengan syarat-syarat yang digariskan oleh syariat, maka ini adalah kebudayaan Islam. Masjid itu adalah kebudayaan Islam.

Al Quran ada mengatakan supaya umat Islam berjalan mengembara seperti dalam ayat berikut :

سِيرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ

Maksudnya :
Berjalanlah kamu di atas muka bumi.” - Al An’am: 11

Jika sekiranya umat Islam mengikut perintah ini dan mengembara di bumi Tuhan ini untuk mencari pengalaman yang baik mengikut syarat-syarat ibadah yang lima itu, maka ini boleh dianggap sebagai kebudayaan Islam. Mengembara mencari pengalaman yang baik dan boleh memberi menafaat kepada umat Islam seluruhnya adalah satu kebudayaan Islam.

Umat Islam digalakkan supaya menuntut ilmu dan ini jelas sepertimana firman Allah berikut :

يَرْفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْعِلْمَ دَرَجَٰتٍ

Maksudnya :
“Allah mengangkat orang yang beriman daripada kamu dan mereka yang diberi i/mu pengetahuan dengan beberapa darjat.“- Al Mujadilah: 11

Ini merupakan lagi satu kebudayaan Islam. Syariat menuntut supaya umat Islam belajar mencari ilmu kerana itu umat Islam dituntut supaya mendirikan tempat-tempat mencari ilmu (sekolah/universiti) dan ini adalah kebudayaan Islam.

Mengenai hidup bermasyarakat, dalam Al Quran ada sepotong ayat yang berbunyi:

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ

Maksudnya :

'Bertolong bantulah kamu di dalam berbuat kebajikan dan ketaqwaan dan janganlah kamu bertolong bantu di da/am kedosaan dan permusuhan."- Al Maidah: 2

Jelas sekali umat Islam diajak hidup bergotong royong dan saling bantu membantu dalam semua aspek masalah seperti sama-sama mendirikan masjid, sekolah-sekolah, hospital-hospital Islam, mendirikan rumah anak-anak yatim dan sebagainya. Ini adalah kebudayaan Islam. Dan dalam hal ini umat Islam dilarang bersyubahat dengan dosa dan bermusuh-musuhan.

Demikianlah beberapa petikan yang boleh mendorong umat Islam melahirkan suatu rupa kebudayaan yang tersendiri. Inilah satu ibadah kepada umat Islam yang membangunkannya. Mereka akan diberi ganjaran di akhirat kelak dengan syurga. Di samping menjadi ibadah ia juga merupakan kemajuan yang dapat memberi menafaat kepada seluruh manusia di dunia.

Bab Kesembilan

NAFSU DAN SYAITAN PERINTANG IBADAH

PADA awal-awal buku ini kita telah huraikan bagaimana perintah beribadah ini diterima oleh akal dan naluri semulajadi. Kedua-duanya membenarkan tuntutan bahawa kita mesti beribadah kepada Allah S.W.T sebagaimana syariat menuntut kita berbuat demikian. Begitu kuat sekali hati kecil kita serta akal kita mendorong kita melakukan amalan ibadah tetapi masih kita dapati yang perlakuan kita tidak menepati kehendak hati dan akal. Mengapa perlakuan kita tidak mengikut apa yang didorong oleh hati dan akal, ia pula tidak diberi peringatan. Mengapa tidak ada bisikan di dalam hati kecil atau di dalam kepala kita yang perbuatan kita itu sudah melanggar perintah. Kita sepatut beribadah kepada Allah, tetapi kita tidak lakukan.

Ada dua musuh manusia yang besar yang tidak jemu-jemu melalaikan hati dan nurani manusia daripada beribadah kepada Allah. Musuh ini ialah nafsu dan syaitan.

Kedua-duanya tidak habis-habis menghasut manusia supaya melanggar perintah Allah. Allah telah memperingatkan manusia tentang syaitan betapa ia memusuhi manusia dalam Surah Yaasin ayat 60 :

إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya :

"Bahawa (syaitan) itu adalah musuh kamu yang amat nyata."

Dan Allah juga memberi peringatan mengenai nafsu seperti dalam Surah Yusuf ayat 53 :

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Maksudnya :

"Sesungguhnya nafsu itu sangat menyuruh berbuat kejaha tan."

Oleh kerana syaitan dan nafsu inilah maka manusia sentiasa lalai dan tidak mahu mengambil indah terhadap perintah beribadah kepada Allah. Nafsu dan syaitan ini menutup pintu hati manusia supaya jangan suka mencari ilmu dan pengetahuan tentang Islam dan sekiranya dia tidak mengerti tentang Islam maka dia tidak akan mengerti tentang ibadah. Kerana itu setiap ibadahnya pasti bercanggah dengan syariat. Ketika itu syaitan akan ketawa gembira kerana "ibadah" menurut konsep syaitan dan nafsu berjaya dilaksanakan manusia; bukan ibadah menurut tuntutan syariat. Kerana itu ada orang yang berani berkata : "Allah tak akan marah aku kerana aku sedang mencari rezki. Balik lambat tentulah tinggal sembahyang. Allah tahu dan kesihan pada aku," Begitu halus syaitan

membisikkan kata-kata ini ke dalam hatinya hingga dapat dia berselindung disebalik "perbuatan kerana Allah." Demikianlah bagaimana hati dan akal manusia dapat dipengaruhi syaitan dan nafsu. Sekiranya kedua-dua ini tidak ada, akal dan hati akan sedarkan manusia akan kewajipan ibadah kepada Allah dan ini akan meletakkan semula hati seseorang itu pada fungsinya yang sebenar iaitu mengingatkan semula manusia itu agar beribadah kepada Allah.

Ancaman syaitan dan nafsu

Sesungguhnya, syaitan dan nafsu sering menakut-nakutkan manusia agar meninggalkan amalan beribadah kepada Allah Azzawajalla. Banyak sekali bisikan-bisikan halus yang umumnya manusia tidak me- nyedari bahawa ia datangnya dari syaitan. Dengan bisikan-bisikan ini manusia gentar dan takut sama sekali untuk beribadah kepada Allah. Hal ini berlaku dalam diri kita tetapi kita tidak menyedarinya. Cuba kita perhatikan berbagai ancaman berikut.

Syaitan membisikkan kepada hati manusia yang jika kamu terlalu beribadah, kamu akan menjadi miskin dan papa kerana orang-orang yang berjuang untuk Islam semuanya miskin-miskin; kalau kamu beribadah dan me-. ngikut semua Sunnah dan perintah Al Quran dari segi makan, minum, menyusun keluarga, menyusun hidup dan sebagainya, maka kamu akan dibenci oleh masyarakat dan kamu akan dipencil oleh mereka, kamu akan dikatakan sebagai pelampau, fanatik dan sebagainya. Lantas kamu mungkin boleh didakwa dan dihukum kerana telah membawa konsep hidup bertentangan dengan masyarakat dan tamaddun serta kebudayaan orang Islam. Oleh kerana

manusia termakan dengan ugutan syaitan ini maka manusia tidak mahu beribadah kepada Allah dalam ertikata ibadah yang sebenar- benarnya. Manusia tidak sanggup menerima susah dan ujian lantas tidak mahu beribadah kepada Allah dan sanggup mendurhakai Allah kerana ugutan-ugutan halus dari syaitan dan nafsu. Kalaupun mereka beribadah, ibadahnya cuma ibarat melepaskan batuk ditangga sahaja, tidak dibuat dengan sepenuh hati dan sungguh-sungguh.

Bab Kesepuluh
UJIAN ALLAH

DARIPADA dorongan syaitan dan nafsu, manusia sanggup engkar terhadap perintah Allah dan ada kalanya sanggup menghina ibadah-ibadah yang Allah perintahkan. Sebenarnya kalaulah syaitan dan nafsu tidak mempengaruhi manusia sudah tentulah dia sedar bahawa memang sudah menjadi sunatullah yang setiap manusia yang hidup di maya pada ini tidak kira apa agama yang dianuti dan tidak kira apa bangsa ia sekalipun, samaada dia lelaki atau perempuan, kaya atau miskin, alim atau jahil, berkuasa atau rakyat biasa, semuanya tidak akan dapat terlepas dari ujian Allah.

Ada berbagai-bagai ujian yang Allah akan berikan kepada setiap manusia. Salah satu darinya ialah penderitaan. Kalau pun dia tidak ditimpa penderitaan berat, dia akan ditimpa penderitaan ringan. Sakit merupakan salah satu bentuk penderitaan yang ditimpakan kepada manusia. Katakanlah seseorang itu tidak mahu sakit kerana dia tahu

yang sakit itu berupa satu jenis penderitaan dan kesusahan. Kerana itu dia menjaga kesihatan badannya, dia sering berriadhah dengan bangun pagi-pagi lagi untuk memulakan "jogging" subuh yang padanya mungkin lebih utama dari sembahyang subuh, dia makan pil-pil vitamin untuk menjamin supaya perjalanan darahnya baik dan dirinya sentiasa segar dan bertenaga; makanannya pun sentiasa terkawal iaitu zatnya sekian banyak pemberi tenaga sekian banyak, tidak terlalu manis dan tidak terlalu masin, pendekatanya dia menjaga keseimbangan makanannya. Dalam keadaan dia berjaga-jaga dengan berbagai peraturan kesihatan samada dari segi riadhah mahupun makanan, dengan tidak disangka-sangka dia ditimpa juga penyakit, kadang-kadang penyakit yang luar biasa seperti "lemah jantung," "darah tinggi," kencing manis dan sebagainya. Jadi kita ingin bertanya kepada dia, berjayakah dia "membuat kubu pertahanan" agar tidak ditembusi penyakit yang Allah timpakan?

Lagi satu bentuk penderitaan adalah berupa kemiskinan. Manusia memang takut dengan kemiskinan. Kalau boleh semua manusia tidak mahu susah. Kesemua hendak senang. Perkataan miskin itu amat memalukan. Kerana itu dia cuba memerangi kemiskinan. Dia berusaha dengan penuh semangat dan kegigihan. Dia bekerja siang dan malam mencari duit untuk membuat harta dan kekayaan. Malangnya dia tidak sedar perancangan memang ditangannya tetapi segala-galanya Allah yang atur. Berbagai-bagai boleh berlaku jika kemiskinan itu hendak ditimpakan juga oleh Allah. Dalam pada dia sedang berasyik-asyik dengan kekayaan dan hartanya itu, Allah datangkan bencana meragut kekayaannya.

Satu bentuk penderitaan yang manusia tidak me: nyedarinya serta tidak terfikir ia merupakan ujian dari Allah

ialah hasad dengki dan kejahatan manusia. Hal ini memang sering berlaku kepada setiap manusia yang Allah hendak uji. Berbagai-bagai fitnah boleh Allah datangkan kepada manusia yang engkar dan tiada mahu patuh kepada perintahnya dan fitnah ini adalah merupakan bala yang paling besar boleh menimpa manusia. Inipun manusia cuba melawannya kerana dia tidak menyangka ini semua datang dari Allah. Senjata baginya melawan hasad dengki dan fitnah ini ialah dengan membuat dirinya berbaik dengan setiap manusia, ditanamnya tebu dibibirnya, hati-nya setiap hari ditabur gula kerana itu dia cuba menabur budi kepada manusia agar dia tidak dikata orang. Tetapi kita sering melihat bagaimana orang yang demikian pun terkena juga bala Allah. Ia mungkin difitnah sebagai hendak menunjuk-nunjuk konon dialah yang berbudi dan mentang-mentanglah dia kaya. Berbagai-bagai tohmah manusia ke atas dirinya. Jadi nyata sekali tidak ada siapa yang dapat mengelakkan diri dari penderitaan ini.

Dan lagi satu bentuk penderitaan yang boleh ditimpakan kepada manusia sekali-sekali ialah bencana samada ia berupa bencana alam seperti banjir, kemarau, gerak gempa, gunung berapi atau sebagainya ataupun bencana kelalaian manusia seperti kebakaran dan kemalangan. Bila bencana demikian melanda segala harta, kampung halaman dan sanak saudara akan musnah dan porak peranda. Beratus-ratus malah adakalanya beribu-ribu nyawa akan terkorban. Ini akan membawa penderitaan yang berat sekali kepada manusia hingga tersiar dalam akhbar-akhbar agar manusia yang tidak ditimpa bencana membantu mereka yang kemalangan itu. Demikianlah hebatnya penderitaan yang Allah berikan. Dapatkah manusia mengelakkan diri dari penderitaan ini? Memang manusia ini lupa akan hakikat sebenar kerana itu dia

mengambil langkah-langkah ciptaannya untuk memerangi bencana alam. Untuk mengelakkan dari kemalangan kelalaian manusia seperti kebakaran dan lain-lain kemalangan, manusia diberi pengetahuan dan diajar langkah-langkah keselamatan. Kalau untuk mengelakkan bencana alam, manusia menubuhkan rumah-rumah pengkaji cuaca supaya sebelum bencana berlaku manusia dapat melarikan diri lebih dahulu. Tapi seringkali kita dapati, bencana ini datang ketika manusia tidak berjaga-jaga. Tidak bermakna lagi alat-alat sains dan teknologi ciptaan mereka.

Bencana yang paling menggerunkan manusia ialah kematian. Manusia cukup takut akan mati. Sehingga itu seluruh hayatnya digunakan untuk mengelakkan diri dari mati. Sakit saja sedikit dia terus mencari doktor-doktor untuk mendapat nasihat dan rawatan. Tetapi dalam pada dia mengambil setiap langkah yang perlu untuk mengelak dari mati, dia mati juga. Dan dengan kematiannya tinggallah anak-anak dan isteri yang dikasihinya, sahabat handainya dan semua harta bendanya. Tentu sekali ini merupakan satu penderitaan pahit kepada manusia kerana sering kita mendengar ratapan dan rintihan manusia apabila salah seorang anggota keluarga mereka mati. Kalau ayah dan suami, hilanglah tempat bergantung anak dan isteri; kalau anak yang disayangi, hilanglah penghibur hati dan pengarang jantung. Begitulah ratapan manusia yang lupakan perintah Allah yang mana sepatutnya dia sedar bahawa setiap musibah dan keburukan itu datangnya dari Allah yang mana Allah telah beri peringatan dalam Surah Al Baqarah ayat 155 seperti berikut :

وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَىْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ

وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ
وَبَشِّرِ ٱلصَّٰبِرِينَ

Maksudnya :

Dan sesungguhnya akan kami berikan cubaan kepadamu *dengan sedikit ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta, setta pengikut- pengikut. Dan berikanlah khabar gembira ini kepada orang sabar (yang mukmin).*

Dalam ayat berikutnya Allah berfirman :

ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ

Maksudnya :

(laitu) orang-orang yang ditimpa musibah mereka mengucapkan : 'Innalillah hi wainnaa ilaihi raji'un" - Al Baqarah: 156

Jelaslah bahawa segala-gala bentuk penderitaan datang dari Allah, dan kita dilarang meratap dan merintih seperti mana yang dilakukan oleh setengah orang.

Ujian tetap akan menimpa kita, samada kita mahu atau tidak mahu, samada kita suka atau tidak suka, samada kita berjaga-jaga atau lalai, samada kita beribadah atau tidak, samada kita mukmin atau kafir, samada mukmin yang bertaqwa atau mukmin yang 'asi. Dalam hal ini Allah berfirman dalam Surah Al Baqarah ayat 155 yang diterangkan sebelum ini yang membawa maksud:

“Sesungguhnya akan kami beri cubaan kepada kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan dan kekurangan harta serta pengikut dan berikan khabar gembira ini kepada orang-orang sabar (yang mukmin). ”

Dan Rasulullah pun bersabda berikut :

الدنيا دار البلاء والامتحانات

Maksudnya :
“Dunia ini adalah negara bala’ dan ujian. ”

Kalaulah demikianlah sabda Rasulullah, maka tidak ada siapa pun yang boleh mengelakkan diri dari ujian. Maka bukankah lebih baik menjadi orang mukmin yang diuji dari orang kafir yang diuji. Dan bukankah lebih baik jadi orang mukmin yang bertaqwa yang mana diuji Allah daripada menjadi orang mukmin yang ‘asi yang mana juga diuji oleh Allah. Orang yang bertaqwa bilamana menerima ujian sentiasa sabar dan penuh keredhaan. Orang-orang mukmin yang taqwa yang diuji begian-begian bermakna dia mendapat penghapusan dosa di dunia dan mendapat pangkat atau darjat di syurga kelak. tetapi bagi orang-orang kafir atau orang mukmin yang ‘asi dan durhaka, ujian merupakan laknat Allah di dunia dan di akhirat merupakan neraka yang amat dahsyat.

Penutup

TELAH sekian panjang lebar kita menghuraikan pengertian ibadah kepada Allah dan kita mendapati bukan saja syariat menuntut kita beribadah kepada Allah malah naluri dan akal kita pun menuntut demikian. Tanda ibadah merupakan tanda kesucian dan tanda kemurnian. Umumnya orang baik-baik dikait rapat dengan orang ibadah tetapi tidak semestinya begitu. Jadi kalau kita mengatakan kepada seseorang bahawa saudara ini orang ibadah nampaknya, hatinya tentulah begitu gembira sekali. Kalau kita mengatakan kepada seseorang itu, saudara ini benar-benar hamba Allah, hati dan naluri saudara itu sangat-sangat menyetujuinya. Dia akur saja walaupun pada hakikatnya dia bukan merupakan hamba Allah kerana hamba Allah ialah orang yang patuh kepada Allah. Sebabnya, manusia bersetuju dengan apa yang telah dipersetujui oleh Allah kerana ruh manusia waktu di-alam ruh sebelum lahir ke dunia lagi telah kenal Allah sebagaimana tersebut dalam firman-Nya :

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا۟ بَلَىٰ شَهِدْنَآ

Maksudnya :

"Bukankah Aku ini Tuhan kamu? Ya, kami naik saksi bahawasanya Kamu Tuhan kami."- Al A'raf: 172

Sebaliknya kalau seseorang itu kita kata dia itu hamba dunia atau dia itu hamba perempuan, hamba isteri, hamba orang, hamba hawa nafsu atau sebagainya, dia pasti berang dan radang. Hatinya terus tersinggun dengan kata-kata itu sekalipun dia benar-benar mempunyai sikap yang menunjukkan dia itu benar kepada hamba perkara yang dikatakan. Mengapa dia marah? Kerana dia itu dijadikan bukan untuk menjadi hamba kepada perkara-perkara yang disebutkan itu. Hatinya tidak setuju dengan apa yang tidak dipersetujui oleh Allah. lnilah buktinya yang manusia itu patut beribadah kepada Allah Taala sesuai dengan naluri dan hati nuraninya.

Cuma apa yang menjadi pelik kepada kita ialah, apa yang manusia tidak suka digelarkan dia, itulah yang dia lakukan. Usaha-usaha, sikap-sikap dan tindak-tanduknya bertepatan kepada apa yang digelarkan pada dirinya. Misalnya kalau dia digelar hamba arak; dia tentu marah tetapi memang sebenarnya dia hamba arak. Dan begitulah dalam hal-hal yang lain.

Sebaliknya manusia ini suka kalau ia digelar sesuatu dan hatinya pula memberi persetujuan. Misalnya, seseorang itu bukan main gemar kalau dia digelar seorang hamba Allah; kerana seorang hamba Allah bererti ia taat beribadah kepada Allah. Tetapi sayangnya, apa yang dia

suka dia digelar, usaha-usahanya, tindakan serta sikapnya langsung tidak menunjukkan yang dia menuju ke arah yang dia digelar malah sikapnya adalah bertentangan sama sekali.

Kenapa dan mengapa hal ini terjadi semata-mata kerana dorongan nafsu dan syaitan supaya manusia ini lebih terpaut kepada dunia dan hat-hat keduniaan daripada memikirkan soal-soal ibadah dan soal-soal akhirat. Kerana itu Allah berfirman :

فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ ٱلْحَيَوٰةُ ٱلدُّنْيَا

Maksudnya :
"Janganlah hidup di dunia ini menipu daya kamu." - Luqman: 33

Malangnya manusia lupa dengan peringatan Allah ini dan sebab itulah begitu ramai manusia yang ditipu oleh dunia hingga dia lupa beribadah kepada Allah. Dia kejar dunia sekuat-kuatnya, dia begitu kasih kepada dunia. Sayangnya dunia dia tidak perolehi, akhirat juga melepas. Dunia tetap juga dikuasai oleh orang kafir.

Dalam konteks yang ada berkaitan dengan dunia, Allah memberi lagi satu peringatan dalam Surah Anfal ayat 28 :

أَنَّمَآ أَمْوَٰلُكُمْ وَأَوْلَـٰدُكُمْ فِتْنَةٌ

Maksudnya :
"Hanyasanya, harta dan anak-anak kamu itu menjadi fitnah kepada kamu. W

Ini lagi satu peringatan Allah yang diabaikan oleh manusia. Berapa ramai manusia di hari ini yang mengejar harta siang dan malam dan berapa ramai yang mengikut kehendak anak-anak mereka dan tidak berani membantah hinggakan anak mereka sendiri membawa fitnah besar dalam hidup mereka. Bukankah ini kecelakaan yang menimpa kerana mereka tidak mahu 'beribadah kepada Allah.

Maka Allah berfirman lagi dalam Surah Al Taghabun ayat 14 :

إِنَّ مِنْ أَزْوَٰجِكُمْ وَأَوْلَٰدِكُمْ عَدُوًّا لَّكُمْ فَٱحْذَرُوهُمْ

Maksudnya :

"Sesungguhnya di antara isteri-isteri dan anak-anak kamu ada yang menjadi musuh bagimu. Maka berhati-hatilah terhadap mereka."

Keadaannya sama. Iaitu begitu ramai sekali manusia yang mengikut kehendak isteri. Tidak berani memberi teguran kepada isteri. Isteri lebih berkuasa dari suami. Kerana itu isteri-isteri mereka menjadi fitnah kepada mereka.

Dan lagi dalam Surah Al Furqan ayat 43 :

أَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ

Maksudnya :

"Apakah engkau tidak melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai Tuhan."

5

Di sini Allah menunjukkan yang ada manusia ini yang menjadikan hawa nafsu sebagai tuntutan hidup hingga dia meninggalkan amalan ibadahnya.



HARI ini kebanyakan umat Islam kurang memahami secara tepat tentang konsep ibadah menurut Islam. Di antara kekeliruan yang wujud ialah tanggapan bahawa ibadah itu cuma di sekitar persoalan hubungan dengan Allah sahaja seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain, sedangkan perkara lain yang ada hubungan dengan masyarakat dianggap bukan ibadah malah bersifat duniawi.

Di sinilah letaknya salah faham umat Islam hari ini tentang ibadah hingga membawa kepada perpecahan. Di dalam buku ini dihuraikan dengan terperinci takrif ibadah, syarat sesuatu amalan itu jadi ibadah dan pembahagian-pembahagian ibadah seperti ibadah khusus, ibadah fadhailul amal dan ibadah umum.

Umat Islam perlu diselaraskan kefahaman mereka tentang konsep ibadah serta cara mengamalkannya menurut apa yang dikehendaki oleh Islam. Di samping akan diberi ganjaran pahala di akhirat umat Islam akan dapat membangunkan tamadunnya yang dengan itu akan terbentuk sebuah masyarakat Islam yang sempurna. Buku ini memberi panduan untuk tujuan tersebut dengan huraian yang mudah difahami dan mudah untuk diamalkan.

AL ARQAM

PENERANGAN AL ARQAM